

Suami belasah guna antena TV

Metro 6/6/12 M.S.S.

KOTA BHARU: Hanya kerana menegur suaminya yang merosakkan televisyen, seorang wanita dipukul dengan antena televisyen oleh suaminya itu sehingga cedera di dahi dan menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), dalam kejadian di Berek 12, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 10 malam itu, mangsa yang berusia 36 tahun turut berdepan detik cemas apabila anak lelakinya berusia 16 tahun diacukan kayu oleh suaminya ketika menghalang ibunya daripada dipukul.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Azham Othman berkata, kejadian berlaku ketika mangsa yang bekerja sebagai promoter di

pasar raya baru pulang bekerja.

Katanya, mangsa melihat suaminya merosakkan televisyen dan menegurnya.

"Akibat berang ditegur isterinya, suami mangsa mengambil antena televisyen dan memukul isterinya sehingga cedera di dahi dan terpaksa mendapatkan rawatan di HRPZ II. Anak lelaki mangsa yang berusia 16 tahun cuba menghalang perbuatan ayahnya, tetapi diacu dengan sebatang kayu dan diugut akan dcederakan.

"Abang mangsa berusia 40-an turut ke rumah mangsa untuk mententeramkan keadaan, tetapi diacu kayu. Bagaimanapun, anak dan abang mangsa tidak dcederakan selepas suami mangsa tenang," katanya ketika dihubungi, semalam.